



## Tiada keperluan lantik TPM - Ismail Sabri

Oleh Alzahrin Alias - September 8, 2022 @ 3:32pm

[zahrin@mediaprima.com.my](mailto:zahrin@mediaprima.com.my)



Ismail Sabri melawat ruang pameran selepas merasmikan MIHAS 2022, hari ini. - FOTO BERNAMA

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sekali lagi menegaskan, tiada keperluan untuk membuat sebarang pelantikan jawatan Timbalan Perdana Menteri (TPM) dalam Kabinet bawah pentadbiran beliau kini.

Perdana Menteri berkata, status empat Menteri Kanan ketika ini dilihat sebagai sudah mewakili TPM dengan keistimewaan yang hampir sama dengan jawatan berkenaan.

"Sebelum ini, saya sudah perjelaskan kepada wakil Perikatan Nasional (PN) pada satu perjumpaan dan memberi pandangan mengenai isu itu.

"Saya sebagai Perdana Menteri ingin memfokus kepada pemulihian ekonomi serta isu berkaitan rakyat seperti kos sara hidup yang meningkat dan sebagainya.

"Itu lebih penting sebenarnya daripada isu lain. Fokus utama ialah mengurangkan tekanan kepada rakyat. Saya rasa rakyat lebih memerlukan perkara ini, bukan bincang perkara lain," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2022, di sini, hari ini.

Kabinet bawah pimpinan Ismail Sabri ketika ini tidak mempunyai jawatan TPM, sebaliknya terdapat empat jawatan Menteri Kanan.

Mereka ialah Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin; dan Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Media sebelum ini melaporkan Setiausaha Agung PAS, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, mengaku membuat draf perjanjian mengenai jawatan TPM, sekali gus mengesahkan perjanjian itu wujud seperti pernah dimaklumkan Pengurus PN, Tan Sri Muhyiddin Yassin.